

Kumpulan pertama pelajar perubatan UiTM daftar

Jun 2003

UM 19 NOV 2003

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Kumpulan pelajar sulung Fakulti Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dijangka mendaftar diri di kampus induk Shah Alam pada Jun tahun depan.

Menurut sumber, buat permulaan pengambilan itu hanya terhad kepada 40 pelajar sahaja.

“UiTM tidak akan mengambil banyak pelajar dalam bidang ini kerana mahu memastikan kita mengeluarkan produk perubatan yang terbaik dan berkualiti,” katanya.

Namun begitu, menurut sumber itu, ambilan pertama itu juga bergantung kepada kelulusan kurikulum yang sedang disediakan oleh UiTM.

“Jika kurikulum tersebut diluluskan, maka kita menjangka ambilan sulung itu akan dibuat Jun tahun depan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Kurikulum berkenaan kini sedang diproses dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua bulan ini.

Menurut sumber tersebut, kurikulum itu dijangka diserahkan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan penghujung tahun ini.

Katanya, UiTM kini hanya menunggu kelulusan kurikulum itu setelah kelulusan penubuhan fakulti berkenaan diterima daripada kementerian tersebut.

“Jika diluluskan segera maka ambilan sulung pada Jun tahun depan akan menjadi kenyataan,” katanya.

Sementara itu sumber itu berkata, pelajar-pelajar sulung fakulti tersebut akan ditempatkan di kampus Shah Alam untuk mengikuti pengajian mereka.

Mengenai proses pengambilan pelajar itu, beliau berkata, ia sama seperti pengambilan pelajar-pelajar perubatan lain ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu melalui program Matrikulasi dan lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Baru-baru ini, Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Dr. Ibrahim Abu Shah berkata, Hospital Kuala Terengganu (HKT) akan menjadi pusat latihan amali bagi pelajar Fakulti Perubatan itu.

Katanya, pihaknya juga menerima tawaran lain daripada hospital kerajaan tetapi menjangka memilih HKT yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan.

“Cuma kita menunggu geran tawaran rasmi. Malah penyelaras bagi fakulti itu pun sudah dilantik,” katanya pada Dialog Mahathir Mengenai Kemajuan Ummah anjuran Institut Pengembangan Ilmu (Inka) UiTM baru-baru ini.

Penubuhan Fakulti Perubatan UiTM menjadi kenyataan setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri mengeluarkan arahan lisan supaya UiTM menyerahkan laporan mengenai penubuhan fakulti berkenaan.

Kementerian Pendidikan tidak menghadapi masalah meluluskan penubuhan fakulti itu memandangkan UiTM telah pun mempunyai kemudahan mencukupi bagi penubuhan fakulti perubatan.

Antara kemudahan yang sedia ada untuk fakulti itu ialah makmal, kelengkapan mesin dan kakitangan akademik.

Semua kemudahan itu merupakan kemudahan bagi fakulti-fakulti kesihatan dan farmasi yang telah sedia ada di universiti itu.